## LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## JUMAAT 9 JUN 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9. | MAT SABU: 'SOFT LANDING' MECHANISMS FOR CHICKEN AND EGGS, NEWS, GUANG MING DAILY -A1, A5<br>STABILISE SUPPLY AND DEMAND WITH FLOATING CHICKEN AND EGG PRICES, NATION, CHINA PRESS -A6<br>CHICKEN, EGG PRICES TO BE FLOATED FROM JULY 1, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3<br>PRICES OF CHICKEN AND EGGS TO BE LEF FLOATING NEXT MONTH, NATION, SIN CHEW DAILY -1<br>CHICKEN, EGG PRICES TO BE FLOATED FROM JULY 1, NEWS, NST -8<br>PAC SIASAT KEMENTERIAN RUGI DALAM LAPORAN AUDIT, DALAM NEGERI, UM -3<br>'CHICKEN EXPORT TO RESUME', NATION, THE STAR -4<br>POULTRY FARMERS NOT JUMPING FOR JOY JUST YET, NATION, THE STAR -4<br>CHICKENS AND EGGS TO COST SLIGHTLY MORE, SAYS FOMCA, NATION, THE STAR -4 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 10. | CHINESE NATIONAL'S 'ART' OF EATING DURIAN, VIEWS, THE STAR -19 | JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA) |
| 11.<br>12. | WARGA EMAS TAK MENGAKU IKAT, HERET ANJING GUNA KERETA, LOKAL, HM -5<br>WARGA EMAS DIDAKWA DERA ANJING, NEGERI SEMBILAN, SH -26 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS) |
| 13.<br>14.<br>15.<br>16. | DUA TAMAN LAUT BAHARU DIWARTAKAN TAHUN INI, NEGARA, KOSMO -18<br>TAMAN LAUT MELAKA, GUGUSAN PULAU LIMA JOHOR DIWARTAKAN, NASIONAL, SH -23<br>CADANG WUJUD SANTUARI DI KAMPAR, NEGERI PERAK, SH -28<br>HENTI MAKAN TELUR PENYU, NEGARA, KOSMO -15 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 17.<br>18.<br>19. | 60 PEKEBUN DURIAN TITI TERAS RESAH POKOK TIDAK BERBUAH, NEGARA, KOSMO -16<br>PATI ADA KEBUN SAYUR 1.6 HEKTAR DISERBU, NEGARA, KOSMO -14<br>33 TAHUN WARGA ASING CEROBOH TANAH, TANAM SAYUR, NASIONAL, BH -20 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: `Soft landing` mechanisms for chicken and eggs | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A1,A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 996 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,273 |





epaper.guangming.my | GuangMingDaily | @GuangMingRibao | 每份 RM1.60

# 7月起補貼結束自由浮動

# 肉雞、雞蛋會起價嗎？

- ◆允進口確保供應充足
- ◆取消活肉雞出口限制
- ◆內貿部評估控制價格

封面故事 A5

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: `Soft landing` mechanisms for chicken and eggs | | |
| MediaTitle | Guang Ming Daily | | |
| Date | 09 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 49,712 |
| Page No | A1,A5 | Readership | 149,136 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 996 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 15,091 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 45,273 |



# 農長：實行"軟著陸"機制
# 續推全雞庫存計劃

封面故事

（吉隆坡8日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布声称，肉鸡和鸡蛋补贴措施将在6月30日结束，意味著，肉鸡和鸡蛋的价格将从7月1日起自由浮动。

他以国会书面方式回复土团党马日丹那区国会议员拿督玛丝艾米雅蒂提问，有关肉鸡和鸡蛋的价格即将自由浮动一事指出，随着补贴措施的结束，就让国内贸易及生活费部得以评估和控制商品价格，相比起当前零售的上限价格，是上涨或下跌。

他说，在补贴措施结束后，为确保肉鸡和鸡蛋的供应稳定，农业部实行"软着陆"机制（逐步恢复），当中包括全面取消对活肉鸡出口限制，初生雏鸡、全鸡和鸡肉块除外，及批准从来源国进口肉鸡和鸡蛋。

## 允进口确保供应充足

他表示，在进口鸡方面，获准进口的来源国包括泰国、中国、巴西和丹麦，获准进口鸡蛋的来源国则是泰国和乌克兰。

"政府将继续实施农民组织局（LPP）的全鸡库存计划和联邦农业销售局（FAMA）的昌明农产品促销计划。"

据报道，目前西马半岛标准鸡肉零售顶价为每公斤9令吉40仙，A级鸡蛋零售顶价为每个45仙、B级43仙及C级41仙，不过，在浮罗交怡、沙巴、砂拉越和纳闽，则因地区不同有相差顶价。（TKM）

Powered by: isentia



| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Stabilise supply and demand with floating chicken and egg prices | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 09 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 74 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,460 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,379 |

# 雞肉蛋價浮動穩定供應

（吉隆坡8日讯）农业与食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，鸡肉与鸡蛋价格将从7月1日起自由浮动，政府将通过多项措施，确保取消补贴后，国内肉鸡与鸡蛋供应稳定。

他说，国内贸易与生活成本部将会评估与控制肉鸡与鸡蛋价格。

“农业部将会采取‘软着陆’机制，确保取消补贴后，可以稳定鸡与蛋的供应。”

莫哈末沙布周三在国会下议院，回答土团党马日丹那国会议员拿督玛丝艾米雅蒂的提问时，这么指出。

他说，这些机制包括从7月1日起取消对雏鸡（DOC）以外的活鸡、全鸡和鸡肉块的出口禁令，以使农民能够从出口市场赚取收入，并帮助现金流入我国。

他说，截至今年5月8日，农民组织的2177公吨全鸡库存目标，已取得63%库存量；截至5月8日，大马农业销售局通过369个直营店，分销了2807万8620个鸡蛋。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Chicken, egg prices to be floated from July 1 | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 09 Jun 2023 | Color | Black/white |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 78 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 591 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,773 |



# 肉鸡及鸡蛋价
# 7月起自由浮动

（吉隆坡8日讯）随着大马肉鸡和鸡蛋补贴措施将在本月30日结束，国内的肉鸡和鸡蛋价格将于7月1日起自由浮动。

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布说，7月1日后，国内贸易及生活成本部将得以评估和控制商品价格，对比当前零售顶价是涨还是跌。

他昨日以国会书面回复土团党马日丹那国会议员拿督玛丝艾米雅蒂的提问说，在补贴措施结束后，为确保肉鸡和鸡蛋的供应稳定，农业部实行"软着陆"机制。

莫哈末沙布说，"软着陆"机制包括全面取消对活肉鸡出口的禁令，初生雏鸡、全鸡和鸡肉块除外，以及批准从来源国进口肉鸡和鸡蛋。

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Prices of chicken and eggs to be let floating next month | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 09 Jun 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 288,920 |
| Page No | 1 | Readership | 866,760 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 474 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 14,364 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 43,091 |





## 末沙布：補貼措施 30日結束

# 蛋肉雞價下月浮動

（吉隆坡、马六甲8日讯）农业及粮食安全部长莫哈末沙布宣布，肉鸡和鸡蛋补贴措施将在6月30日结束，国内的肉鸡和鸡蛋价格将于7月1日开始恢复自由浮动。

他以国会书面回复土团党马日丹那区国会议员拿督玛丝艾米雅蒂提问有关肉鸡和鸡蛋的价格即将自由浮动一事时说，随着这项补贴措施的结束，让国内贸易及生活费部得以评估和控制商品价格，对比当前零售的上限价格，决定涨价还是降价。

### 批准进口确保供应稳定

他说，在补贴措施结束后，为确保肉鸡和鸡蛋的供应稳定，农粮部实行“软着陆”机制（逐步恢复），其中包括全面取消对活鸡出口的限制（初生雏鸡、全鸡和鸡肉块除外），以及批准从来源国进口肉鸡和鸡蛋。

“在进口鸡方面，获准的来源国包括泰国、中国、巴西和丹麦，获准进口鸡蛋的来源国则是泰国和乌克兰。”

他说，政府将继续实施农民组织局（LPP）的全鸡库存计划和联邦农业销售局（FAMA）的昌明农产品促销计划。

目前西马半岛标准净鸡零售顶价为每公斤9令吉40仙，A级鸡蛋零售顶价为每个45仙、B级43仙及C级41仙，不过，在浮罗交怡、沙巴、砂拉越和纳闽，则因地区不同有相差的顶价。

莫哈末沙布于今年2月18日曾表示，截至目前，政府已经向鸡蛋生产商和鸡农发放18亿令吉的补贴，到今年6月预计会超过20亿令吉。

他表示，因此政府将研究在6月后是否继续为鸡农和鸡蛋生产商提供补贴，或采取其他方式来稳定鸡蛋和肉鸡价格。

## 禽畜業聯總:靜觀其變

马来西亚禽畜业联合总会会务顾问拿督黄俊仪说，虽然政府宣布肉鸡和鸡蛋价格下月起自由浮动的措施，但到时真实情况仍有待观察，目前评论过早。

他指出，政府正在探讨有关措施当中，该会也会与政府协商，目前还没有真正到最后的定夺阶段。

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | NST | NEWS | 8 |



*Up to May 8, 28,078,620 eggs have been distributed through 369 Federal Agricultural Marketing Authority outlets.* FILE

# Chicken, egg prices to be floated from July 1

**THE** government will float the prices of chicken and eggs from July 1 after the removal of subsidies at the end of this month.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the Domestic Trade and Cost of Living Ministry would evaluate and control the prices of the items.

"My ministry will implement soft landing mechanisms to ensure that the supply of chicken and eggs can be stabilised after the subsidy ends," he said.

Among the mechanisms are abolishing the ban on the export of live broiler chickens except day-old chicks, round chickens and chicken cuts from July 1 to enable farmers to earn income from the export market and help cash flow into the country.

The government will allow the imports of poultry and eggs from recognised source countries like Thailand, China, Brazil and Denmark.

He said the government would continue the round chicken stockpile programme under the Farmers' Organisations Board.

Mohamad said as of May 7, 63 per cent of its target of 2,177 metric tonnes had been stored.

"We will continue the Madani Agro Sales Programme by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) to market agricultural products, including eggs, with prices that are five to 10 per cent lower than at local bazaars, especially in low-income housing areas.

"As of May 8, 28,078,620 eggs have been distributed through 369 Fama outlets," he said.

Mohamad was responding to a question from Datuk Mas Ermieyati Samsudin (Perikatan Nasional-Masjid Tanah) who asked whether the ministry had done a comprehensive study of the impact of the policy change.

Meanwhile, Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the government had no plans to increase the price of subsidised cooking oil.

He said the government would introduce a targeted subsidy mechanism once the Central Database Hub system is operational.

"The government will introduce targeted subsidies to the people because we spend a lot on subsidies for cooking oil, RON95 petrol and other goods.

"We will maintain these subsidies... When the economy recovers, we will establish a perfect ecosystem and implement targeted subsidies so that we can save on expenditure," he said in reply to a question from Azli Yusof (Pakatan Harapan-Shah Alam).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 3 |

# PAC siasat kementerian rugi dalam laporan audit

Oleh MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamulia.com.my

**KUALA LUMPUR:** Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) akan menjalankan siasatan terhadap tiga isu antaranya bayaran obligasi sosial perjanjian konsesi pengurusan industri padi dan beras negara seperti dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 2021 Siri 2 melibatkan kerugian jutaan ringgit.

Pengerusinya, Datuk Mas Ermieyati Samsudin berkata, siasatan itu turut melibatkan pengurusan pandemik Covid-19 dan isu penyata kewangan beraudit Felcra Berhad.

Katanya, PAC akan memanggil Ketua Setiausaha (KSU) daripada empat kementerian dan pimpinan tertinggi di beberapa agensi lain dalam prosiding pada 14 sehingga 27 Jun ini.

"Ia bermula dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi mendapatkan penjelasan berkaitan kelemahan dalam terimaan dana berbentuk kewangan dan aset serta bayaran Skim Subsidi Harga Padi.

"Ini membabitkan kerugian wang awam RM37 juta disebabkan dana obligasi 2021 belum diterima serta pembayaran tidak teratur berjumlah RM370,000 bagi bayaran Skim Subsidi Harga Padi kepada pesawah meninggal dunia.

"Selain itu, ia turut membabitkan pembekal jentera tidak menepati jadual yang menyebabkan kerugian RM3.12 juta dan pembaziran sebanyak RM870,000 juta bagi jentera belum digunakan dan rosak," katanya dalam sidang akhbar di lobi Parlimen, semalam.



MAS Ermieyati Samsudin mengadakan sidang akhbar di lobi Parlimen, Kuala Lumpur, semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

Beliau berkata, PAC akan memanggil KSU Kementerian Kesihatan dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi pada 15 Jun ini bagi memberi penjelasan isu pengurusan pandemik Covid-19 yang dibangkitkan dalam LKAN.

"Ini membabitkan isu 1.1 juta dos vaksin luput tempoh jangka hayat setakat 30 April 2022 yang mana 93 daripada 136 unit ventilator tidak dapat digunakan dan nisbah penggunaan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang rendah," katanya.

Selain itu, katanya, KSU Perbendaharaan Kementerian Kewangan, KSU Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah dan Ketua Pegawai Eksekutif Felcra Berhad akan dipanggil pada 27 Jun ini bagi menjawab isu kedudukan kewangan Felcra Berhad tidak dapat dirumuskan.

Jelasnya, ini susulan penyata kewangan beraudit 2019, 2020 dan 2021 yang belum dimuktamad.

"Selain itu, PAC juga akan mendapatkan taklimat berkenaan Program Jana Wibawa daripada Kementerian Kewangan," katanya.

Kelmarin, pembangkang mempersoal usul kerajaan yang mahu supaya LKAN Tahun 2021 Siri 2 dibentang dan dibahas sehingga menyebabkan keadaan di dalam Dewan hampir tidak terkawal.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | THE STAR | NATION | 4 |

# 'Chicken export to resume'

## Move to take place after subsidies end starting July 1



**Don't rush:** Consumers are advised to refrain from panic buying to keep prices affordable.

PETALING JAYA: Several measures, including resuming the export of chicken, will be enforced once the prices of eggs and chicken are floated from July 1, says Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

"Following the termination of subsidies after June 30, the ministry will be able to assess and control the prices of goods in relation to the retail ceiling price.

"To ensure the supply of chicken and eggs is stabilised after the subsidies are terminated, the ministry will implement a soft landing mechanism," he said in a written reply to a question from Datuk Mas Ermieyati Samsudin (PN-Masjid Tanah).

Mas Ermieyatie had asked the ministry whether it had conducted any studies prior to the decision to remove the poultry subsidies.

Mohamad Sabu also noted the government had decided to lift the ban on the export of chicken to enable farmers to earn an income and to enable cash flow into Malaysia.

Poultry producers will be able to export live chickens, dressed chickens and chicken parts except "day-old chicks".

The government will allow the import of chicken from recognised source countries such as Thailand, China, Brazil and Denmark.

"As for egg imports, the permitted source countries are Thailand and Ukraine," said Mohamad Sabu.

The government will continue with the Farmers' Organisation Authority's dressed chicken stockpiling programme as well as the Federal Agricultural Marketing Authority's (Fama) Madani agro sales plan to sell agricultural products at between 5% and 10% below market prices to target groups.

"As of May 8, 2023, a total of 28,078,620 eggs have been distributed through 369 Fama outlets," he said.

The previous government had tried to scrap subsidies on July 1, last year. However, the Cabinet had decided to raise slightly the ceiling price for chicken and eggs.

Poultry producers have been under pressure over the last two years due to the increase in feed costs primarily due to supply issues following the Covid-19 pandemic as well as the Ukraine-Russian conflict.

The government allocated RM369.5mil for poultry subsidies last year.

# Poultry farmers not jumping for joy just yet

JOHOR BARU: The removal of price controls for chickens and eggs will give poultry farmers some "breathing space" but they are wary about being "too happy too soon," according to the Federation of Livestock Farmers' Association of Malaysia.

The federation's broiler unit chairman Kwei Yew Tong said chicken farmers have been facing challenges and operating at a loss for many years as they have had to meet government's ceiling price.

"We have to factor in the feed costs as well as logistics and with the weather being so unpredictable, it is tough.

"However, we do not want to get ahead of ourselves by being too happy too soon as the price will depend on consumers. Once the price controls are scrapped from July 1, the pricing will be determined by supply and demand.

"It is still too early to tell at this point," he said when contacted.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said yesterday the price of eggs and chickens would be floated and subsidies for poultry producers would also end on June 30.

To ensure that the supply of chickens and eggs can be stabilised, the ministry will implement a soft landing mechanism, he told Parliament in a written reply.

# Chickens and eggs to cost slightly more, says Fomca

PETALING JAYA: Consumers are likely to pay slightly more for chickens and eggs when their prices are left to market forces beginning July 1, according to the Federation of Malaysian Consumers Associations (Fomca).

Chief executive officer Dr Saravanan Thambirajah expects an increase of between 1% and 5% once the ceiling prices and subsidies are removed.

"It depends on the market situation, but the increase is going to be very small.

"We must understand that the government also allows imports where some players may be able to bring in cheaper items.

"If we have good competition, then the prices might be cheaper," he said.

He called on the government to collect data by doing market surveillance and anticipate the situation at least three to six months ahead.

"Based on previous data, we somehow can anticipate the livestock and food security situation.

"Don't wait until the last minute to look for solutions, like what happened previously.

"We would be back to square one in having to providing subsidies and whatnot."

To keep prices affordable, Dr Saravanan advised consumers to refrain from panic buying, which will lead to overstocking and wastage.

"If there's more demand for local eggs or chickens, consumers should raise the issue with the agriculture and food security ministry or Fomca, so that the producers can increase production.

"That's why the floating mechanism is in place, and it allows for the best producers to make an income."

Without being overly dependent on subsidies, he said there are government measures and aids in place for B40 consumers.

"We will see what the demands are like for the M40 and T20 groups in the next few months, in order to anticipate the future market. It is too early now, as July is still some time away," he said.

Welcoming the price-float mechanism, livestock farmers are expecting the official document from the government for their next course of action.

"We will wait for the official memo from the government to the federation about the implementation, which will contain more details for the farmers.

"We will be able to say more after that," said Tan Chee Hee, who is the president of the Federation of Livestock Farmers Association of Malaysia (FLFAM).

The federation has been pushing for the floating of the prices of eggs and chickens, due to financial constraints following the sharp price increase in chicken feed and other operating costs.

"The price control mechanism was introduced due to the inflation and bouts of global economic challenges in the past few years. The government has considered the people's livelihood burden to ensure that they can afford these essential food items.

"So they will come up with some soft-landing measures, and we look forward to more details."

While it is the best way forward to let the market decide demand and supply, Tan said what the federation and government wanted was to ensure sufficient supplies.

"After the pandemic that caused many shortages in the supply chain, there was bird flu.

"Although Malaysia is not affected by bird flu, it somehow affected our supply. That's why we will always monitor the situation to ensure food security here. We will always cooperate with the government on pricing mechanisms in the future to ensure sufficient supplies in the market," he added.

When contacted, FLFAM life honorary president Kwei Yew Tong said chicken farmers have been able to claim their subsidy for chicken eggs.

"Some have received their payment, and some are waiting," he said.

The government announced on Feb 27 that the subsidy for chicken eggs would continue until June involving a total cost of RM1.28bil, ahead of the expected floating of chicken and egg prices.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | THE STAR | VIEWS | 19 |


# Chinese national's 'art' of eating durian

THERE are many ways to enjoy durian and the one shared by a Chinese national has left Malaysians in stitches, reported *China Press*.

The woman, known as Dongbei Xuan on her Facebook, was in Malaysia, making and sharing videos of her durian eating adventures nationwide.

She was in Penang recently and bought a Black Thorn durian for RM204.

Giving her thumbs up after trying it, she then said Malaysians normally drink water from the durian husk to reduce the heatiness from consuming the King of Fruits.

She also said the water from the husk could be used to wash the fingers to get rid of the smell. Everything was fine until she said Malaysians would normally drink the water afterwards.

Many of her amused followers and viewers then left comments, saying that



**King of Fruits:** Drinking water from its husk helps to reduce heatiness. — Photo sourced from Dongbei Xuan's Facebook

Malaysians do not consume the water after washing their fingers in it.

Some also suggested that she add some salt before drinking from the husk next time, which she followed in her latest video after trying several other types of durian.

> *Oriental Daily* reported that a recent trend of filming street views with people in them in China has uncovered an affair by a high-ranking official at the China National Petroleum Corporation.

The video, which has since gone viral, shows the man holding hands with a young woman while walking on the street in a matching outfit. According to online information, the young woman was not his wife but a colleague.

Netizens also uncovered that the woman enjoyed flaunting her luxurious lifestyle and figure on social media, including staying at high-end hotels and punching out from work early at 4.30pm daily.

After the incident, the man has since been suspended and the woman has also made her social media posts private.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 9/6/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 5 |

# Warga emas tak mengaku ikat, heret anjing guna kereta

**Seremban:** Warga emas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Seremban, semalam, atas pertuduhan mengikat dan mengheret seekor anjing menggunakan kereta, hujung bulan lalu.

Tertuduh, Chok Boon Kwong, 62, membuat pengakuan itu di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah dalam Bahasa Mandarin.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didapati dengan kejamnya mengikat seekor anjing dan mengheretnya menggunakan kereta di jalan raya sehingga menyebabkan kesakitan terhadap haiwan itu.


BOON Kwong tiba di Mahkamah Sesyen Seremban.

Kesalahan dilakukan kira-kira jam 6.45 petang di jalan hadapan sebuah rumah beralamat di Kampung Sri Parit, Lukut, Port Dickson, 27 Mei lalu.

Oleh itu, tertuduh melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Jika disabitkan boleh didenda tidak kurang RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tempoh maksimum tiga tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz menawarkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin.

Peguam, Nashvinder Singh Gill yang mewakili tertuduh memohon mahkamah memberikan ikat jamin RM5,000 dengan mengambil usia tertuduh yang sudah tidak bekerja selain memberi kerjasama penuh kepada polis sepanjang siasatan.

Mahkamah kemudiannya menetapkan wang jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin dan sebutan semula pada 11 Julai.

Media pada 30 Mei lalu melaporkan polis menahan reman seorang lelaki berusia 61 tahun yang dipercayai mendera hingga mati seekor anjing peliharaannya.

Ketua Polis Daerah Port Dickson Superintendan Aidi Sham Mohamed dilaporkan berkata, pihaknya menerima aduan pada 27 Mei lalu daripada seorang lelaki berusia 44 tahun memaklumkan melihat seekor anjing dalam keadaan cedera dan berdarah selepas dikatakan didera.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI SEMBILAN | 26 |

# Warga emas didakwa dera anjing

## Ikat haiwan berkenaan sebelum heret dengan kereta sehingga mati



Boon Kwong tiba di pekarangan Mahkamah Sesyen Seremban pada Khamis.

Oleh NORAFIDAH ASSAN
SEREMBAN

Seorang lelaki warga emas dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini pada Khamis atas pertuduhan mendera seekor anjing dengan kejam pada bulan lalu.




Laporan *Sinar Harian Online* pada 30 Mei lalu.

Chok Boon Kwong, 61, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Hakim Rushan Lutfi Mohamed selepas kertas pertuduhan dibacakan jurubahasa dalam bahasa Mandarin.

Mengikut pertuduhan, dia dengan kejamnya telah mengikat seekor anjing dan telah mengheretnya dengan menggunakan kereta sehingga menyebabkan kesakitan kepada haiwan tersebut.

Kesalahan itu dilakukan pada 27 Mei 2023, kira-kira jam 6.45 petang di jalan hadapan rumah di Kampung Sri Parit, Lukut di Port Dickson.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015.

Sabit kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM20,000 dan tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Syamimi Farhana Muhammad A Aziz mencadangkan jaminan RM30,000 dengan seorang penjamin.

Peguam Nashvinder Singh Gill meminta anak guamnya diberi jaminan RM5,000 kerana dia tidak lagi bekerja.

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM15,000 dan sebutan semula kes 11 Julai depan.

*Sinar Harian* sebelum ini melaporkan, Boon Kwong ditahan pada 29 Mei lalu susulan laporan dibuat oleh seorang lelaki berusia 44 tahun.

Lelaki itu mendakwa telah melihat seekor anjing diikat dan diheret dengan menggunakan kereta sehingga mengakibatkan haiwan terbabit mati.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 18 |

# Dua taman laut baharu diwartakan tahun ini

**PORT DICKSON** – Dua lagi kawasan perlindungan marin iaitu Taman Laut baharu di negara ini membabitkan Taman Laut Negeri Melaka berkeluasan 26.97 kilometer (km) persegi dan Taman Laut Gugusan Pulau Lima Johor berkeluasan 299km persegi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, kejayaan itu adalah selepas usaha selama lima tahun bagi mewartakan dua Taman Laut baharu berkenaan di bawah Seksyen 41, Bahagian 1X, Akta Perikanan 1985.

Menurutnya, ini menjadikan status terkini Taman Laut di negara ini sebanyak 52 buah dengan kawasan perairan negara yang telah diwartakan mencapai keluasan 25,358.39 km persegi atau sebanyak 5.35 peratus dari keseluruhan perairan keluasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) negara sebesar 473,952 km persegi.

"Kita (Malaysia) sebenarnya menyasarkan sebanyak 10 peratus daripada EEZ akan diwartakan sebagai Taman Laut menjelang tahun 2030. Lebih kurang tujuh tahun lagi dari sekarang dalam usaha mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

"Langkah ini penting bagi memastikan sumber perikanan di negara ini akan terus terjamin serta dilindungi bagi kepentingan semua pihak, selain menjamin sekuriti makanan kita," katanya.

Beliau berkata demikian sempena Program Sambutan Hari Laut Sedunia 2023 di Teluk Biru Port Dickson, di sini semalam.



**FOONG HIN (dua dari kiri) melepaskan ikan inggu sempena Program Sambutan Hari Laut Sedunia 2023 di Teluk Biru Port Dickson semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 23 |

# Taman Laut Melaka, Gugusan Pulau Lima Johor diwartakan



Foong Hin (tiga dari kiri) menyaksikan pelepasan penyu-penyu oleh Pusat Ikan Hiasan Port Dickson (PIH PD) ke laut pada Khamis.

**PORT DICKSON** - Taman Laut Melaka berkeluasan 26.97 kilometer persegi dan Taman Laut Gugusan Pulau Lima Johor berkeluasan 299.0 kilometer persegi diwartakan di bawah Seksyen 41 Bahagian IX, Akta Perikanan 1985 pada tahun ini.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin berkata, setakat ini 52 taman laut kawasan perairan negara yang diwartakan telah mencapai 25,358.39 kilometer persegi atau 5.35 peratus daripada keseluruhan perairan keluasan Zon Ekonomi Eksklusif negara seluas 473,952 kilometer persegi.

"Ini menunjukkan kekayaan sumber alam (perikanan) yang melimpah di perairan negara. Usaha ini akan berterusan dengan penambahan kawasan Santuari Dugong berkeluasan 1,508.1 kilometer persegi dan perairan Pulau Layang-layang dengan keluasan 40.27 kilometer persegi yang dijangka diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin menjelang 2025," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada sambutan Hari Laut Sedunia 2023 bertemakan 'Satu Lautan, Satu Iklim, Satu Masa Depan Bersama' di sini pada Khamis.

Tambahnya, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan komited dalam memperluas kawasan perlindungan marin bagi memulihara spesies yang terancam dan menghargai khazanah kepelbagaian biologi marin negara.

Pada majlis itu, 30 penyelam sukarela yang diketuai Mohamad Izam Md Yamin telah melakukan selaman di dasar laut bagi aktiviti menyelam dan pembersihan pukat terbiar.

Selain itu, tiga penyu karah dan tiga penyu agar berusia empat tahun telah dilepaskan oleh Pusat Ikan Hiasan Port Dickson (PIH PD) ke laut sempena sambutan berkenaan. - *Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | SINAR HARIAN | NEGERI PERAK | 28 |

# Cadang wujud santuari di Kampar

## Dapat menjamin perlindungan ikan selain memberi manfaat kepada komuniti setempat

Oleh NORMAWATI ADNAN
KAMPAR

Jabatan Perikanan bercadang mewujudkan kemudahan santuari di Kampar bagi membantu menambah spesies ikan asli di kawasan itu.

Timbalan Pengarah Perikanan Perak, Albert Apollo Chan berkata, keperluan itu boleh dilaksanakan memandangkan daerah berkenaan mempunyai banyak sungai dan lombong dengan spesies bernilai tinggi seperti ikan baung, lampam dan jelawat.

Menurutnya, kewujudan santuari bukan sahaja dapat menjamin ikan tidak pupus, tetapi memberi manfaat ekonomi kepada komuniti setempat sebagai nelayan darat yang bergantung kepada hasil tangkapan.

"Perubahan iklim yang berlaku ketika ini secara tidak langsung mengancam spesies ikan. Oleh itu kita memerlukan satu daya tahan yang membolehkan populasi ikan ini dapat bertahan.

"Sekiranya santuari dapat diwujudkan, kita dapat beri perlindungan kepada spesies ikan sama seperti kita lakukan di Bukit Merah (spesies arowana), Sungai Tiang (kelah) dan di Benang Kering (lampam)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam program pelepasan ikan ke perairan umum daerah Kinta dan Kampar di Sungai Kampar dekat Kampung Kongsi Baru di sini pada Khamis.

Pelepasan sebanyak 31,000 benih ikan pelbagai spesies itu disempurnakan Exco



Sebanyak 31,000 benih ikan pelbagai spesies dilepaskan di Sungai Kampar dekat Kampung Kongsi Baru, Kampar pada Khamis.

Komunikasi, Multimedia dan NGO Perak, Mohd Azlan Helmi.

Albert berkata, bagi daerah Kampar, terdapat lebih 60 nelayan darat terbabit secara serius menangkap ikan di sungai dan lombong.

"Menerusi peruntukan kerajaan negeri, jabatan juga telah melaksanakan 10 projek perikanan bandar di sini sejak 2020 bagi menambah hasil tangkapan kalangan nelayan darat dan penduduk B40," katanya.

Sementara itu, Mohd Azlan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tualang Sekah berkata, inisiatif digerakkan Jabatan Perikanan itu selari dengan hasrat kerajaan negeri dalam memastikan sekuriti makanan terus terjamin.

"Impak ekonomi secara langsung akan dinikmati kumpulan nelayan dan golongan sasar menerusi hasil tangkapan.

"Kita juga dapat mempromosikan kawasan ini sebagai lokasi tumpuan pemancing-pemancing luar," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 15 |

# Henti makan telur penyu

**PORT DICKSON** – Jabatan Perikanan menasihatkan orang ramai untuk menghentikan tabiat memakan telur penyu kerana tindakan itu hanya akan menyebabkan haiwan berkenaan diancam kepupusan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Adnan Hussain berkata, di bawah peraturan membabitkan penyu yang dibuat di negeri-negeri juga, tindakan mana-mana individu mengutip telur penyu tanpa kelulusan pihak berkuasa negeri juga merupakan satu kesalahan.

"Malah di negeri Terengganu (sebelum ini) hanya penyu belimbing sahaja tak boleh dikutip tapi sekarang ini enakmen ini telah dipinda dengan semua spesies telur penyu dilindungi di negeri berkenaan.

"Kita nasihatkan orang ramai supaya tidak mengambil telur penyu untuk dimakan kerana penyu ini haiwan prasejarah yang amat unik, kita makan telur penyu pun dari segi khasiat tak pasti sejauh mana kebaikannya.

"Lindungi penyu ni bagi tarikan kepada rakyat supaya generasi akan datang dapat lihat penyu di perairan negara kita sendiri," katanya sempena Program Sambutan Hari Laut Sedunia 2023 bertemakan 'Satu Lautan, Satu Iklim, Satu Masa Depan - Bersama' di Pantai Tanjung Biru, di sini semalam.

Pada program berkenaan, sebanyak lima ekor penyu dewasa iaitu penyu karah dan agar berusia dua hingga empat tahun dilepaskan ke dalam laut.

Jelas Adnan lagi, Tanjung Tuan merupakan lokasi yang sangat unik kerana perairan berkenaan merupakan kawasan pendaratan dua spesies penyu yang utama iaitu penyu karah dan penyu agar.

Ujarnya, di Negeri Sembilan sahaja sebanyak 1,500 anak penyu agar dilepaskan pada tahun lalu demi kelestarian ekosistem perairan di negeri berkenaan.



**ADNAN (tengah) melepaskan penyu agar dan karah pada Program Sambutan Hari Laut Sedunia 2023 di Pantai Tanjung Biru, Port Dickson semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |

# 60 pekebun durian Titi Teras resah pokok tidak berbuah

**YAN** – Lebih 60 pekebun Dusun Durian Berkelompok Kampung Titi Teras, di sini berputih mata apabila tanaman durian diusahakan mereka tidak menjadi sehingga menjejaskan hasil pendapatan, musim ini.

Dakwa pekebun, keadaaan itu berlaku akibat faktor cuaca yang tidak menentu berikutan panas terik berterusan serta hujan lebat menyebabkan bunga raja buah itu gugur.

Pengerusinya, Saad Sabu, 78, berkata, rata-rata pekebun di situ mengeluh kerana mereka kehilangan punca pendapatan lumayan pada musim buah tahun ini.

"Hampir kesemua peserta gagal meraih pendapatan selepas durian jenis musang king, IOI, kacang hijau dan cheni serta jenis kampung tidak menjadi berikutan bunganya gugur pada awal musim.



**SAAD SABU** menunjukkan pokok durian jenis IOI di kebunnya di Kampung Titi Teras, Yan yang kurang menjadi semalam.

"Ia mengakibatkan kebanyakan peserta hanya memperoleh kira-kira satu tan sahaja durian setakat ini berbanding tiga tan seorang pada musim lalu," katanya yang turut menjual durian secara runcit dan borong kepada pelanggan.

Katanya, disebabkan itu, rata-rata peserta penanaman durian secara berkelompok tersebut baru sahaja memperoleh jualan kurang RM1,000 berbanding mencecah RM4,000 pada musim lalu.

Seorang peserta, Haron Latif, 80, berkata, dia terkejut melihat hampir keseluruhan 80 pokok duriannya hanya berbuah antara lima hingga 10 biji sahaja berbanding 100 ke 200 biji sepokok pada musim lalu.

"Cuaca panas terik yang kemudiannya disusuli dengan hujan lebat mengganggu proses pendebungaan dan menyebabkan pelbagai penyakit buah timbul.

"Kita turut gagal mengawal penyakit dan serangga kerana ubat dan racun yang disembur pada pokok tidak berkesan berikutan suhu terlalu panas selain dibawa air ketika hujan berikutan cuaca tidak menentu," ujarnya.

Seorang peserta, Azhar Saad, 33, berkata, sepatutnya musim durian memberi peluang pekebun tingkatkan pendapatan daripada hasil buah durian.

Jelasnya, buah durian kawasan di situ sememangnya digemari pelanggan.

"Musim ini kami hanya mampu mengeluh kerana buah durian tidak menjadi dan gagal memenuhi kehendak pelanggan tetap seperti biasa ketika tibanya musim raja buah itu," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | KOSMO | NEGARA | 14 |



RUSLIN (berdiri, kiri) menyoal salah seorang PATI yang ditahan selepas Operasi Penguatkuasaan Imigresen di Pulau Meranti dekat Puchong semalam.

Seramai 22 warga Indonesia, Bangladesh ditahan

# PATI ada kebun sayur 1.6 hektar diserbu

Oleh AZMI NORDIN

**PUCHONG** – Penempatan haram yang dibangunkan sekumpulan warga Indonesia dan Bangladesh dilengkapi ladang sayur-sayuran seluas kira-kira 1.6 hektar terbongkar dalam satu serbuan di Pulau Meranti, di sini, awal pagi semalam.

Operasi yang dilaksanakan Jabatan Imigresen (JIM) di lokasi mendapati, penempatan pendatang asing tanpa izin (PATI) tersebut lengkap dengan surau dan tempat pengumpulan sayur sebelum dijual kepada pembekal.

*Kosmo!* ketika mengikuti serbuan tersebut pada pukul 1.30 pagi turut menyaksikan penempatan haram itu lengkap dengan sistem saluran air untuk mengusahakan kebun dan set generator sebagai sumber elektrik.

Perjalanan masuk ke lokasi yang hampir 1 kilometer dari jalan utama itu turut berlaku kesukaran apabila jalan raya yang gelap serta berlopak sukar diakses oleh orang ramai.

Difahamkan, setiap plot tanah yang diusahakan akan dibahagikan mengikut warga negara dan diusahakan berasingan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh berkata, pihaknya menerima laporan orang awam berhubung aktiviti penanaman sayur yang membabitkan warga asing secara haram.

Ujar beliau, pemeriksaan anggota Imigresen Selangor, Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka serta Kuala Lumpur berjaya menahan 22 warga asing dalam satu jam operasi dilakukan.

"Tangkapan tersebut terdiri daripada sembilan lelaki dan lapan wanita warga Indonesia selain lima lelaki warga Bangladesh.

"Bagaimanapun, kebanyakkan rumah adalah penginapan sementara sahaja, kita percaya tempat ini hanya transit dan mereka mempunyai tempat penginapan yang lain," katanya dalam sidang akhbar serbuan penempatan haram, di Pulau Meranti, di sini, awal pagi semalam.

Kata Ruslin, pemeriksaan di lokasi juga mendapati tanah subur menyebabkan tanah tersebut menjadi tarikan untuk mengusahakan tanaman.

"Ada sayuran bendi, bayam, lobak dan mungkin banyak lagi. Terdapat satu rumah dijadikan pusat pengumpulan sayur dilengkapi alat penimbang besar untuk pemborong ambil (sayur).

Mengulas lanjut, Ruslin memaklumkan, mereka ditahan atas kesalahan tinggal lebih masa dan tiada dokumen yang sah.

Mereka ditahan dibawah perundangan Imigresen (Akta Imigresen 1959/63, Peraturan-Peraturan Imigresen 1963).

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 9/6/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |

# 33 tahun warga asing ceroboh tanah, tanam sayur

## Bina pelbagai kemudahan di penempatan haram Pulau Meranti

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
bhnews@bh.com.my

**Puchong:** Sekumpulan warga asing menjadikan tanah seluas empat ekar (kira-kira 1. 4 hektar) di Pulau Meranti di sini, sebagai penempatan haram yang lengkap dengan surau dan pelbagai kemudahan lain.

Mereka juga menceroboh kawasan itu dengan menanam pelbagai sayuran kontan untuk dijual kepada pemborong.

Difahamkan, mereka menjadikan kawasan grid pencawang elektrik itu sebagai kebun sayuran sejak 33 tahun lalu dengan menyewa tanah daripada penduduk tempatan dengan sewaan RM600 sebulan.

Bagaimanapun, kegiatan mereka akhirnya terbongkar apabila Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) menyerbu penempatan haram berkenaan.

Serbuan pada 1.30 pagi itu menahan 22 warga asing Indonesia dan Bangladesh yang tinggal di kawasan berkenaan.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Ruslin Jusoh, berkata serbuan dilakukan hasil pemantauan selama sebulan dilakukan pihaknya.

"Pemeriksaan mendapati penempatan ini terdapat pelbagai kemudahan termasuk surau, sistem saluran air yang lengkap untuk mengusahakan kebun, set generator untuk membekalkan sumber elektrik dan pusat pengumpulan sayur-sayuran yang dilengkapi alat penimbang.

"Ketika serbuan, ada antara mereka melarikan diri ke kawasan semak berhampiran dan sanggup menyorok selama setengah jam.

"Daripada 22 tangkapan, 17 adalah warga Indonesia dan lima warga Bangladesh," katanya pada sidang media selepas operasi terbabit.

### Kenal pasti pemilik tanah

Ruslin berkata, penempatan haram itu terletak kira-kira satu kilometer dari jalan utama.

"JIM akan membuat semakan dan rujukan kepada pihak berkaitan seperti pejabat tanah dan galian daerah dan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang berkenaan bagi mengenal pasti dan menentukan kesahihan pemilik sebenar tanah dan premis yang terbabit.

"Tindakan ke atas mana-mana pihak yang disyaki dan secara munasabah dipercayai melanggar perundangan Imigresen dengan memberi kebenaran kepada mana-mana imigran haram (PATI) untuk masuk dan tinggal di tanah miliknya boleh dikenakan ke atas mereka selaras dengan peruntukan Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63," katanya.

Menurutnya, operasi penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007.

"Semua tangkapan dibawa ke pejabat JIM Selangor bagi proses dokumentasi. Kes disiasat mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 dan Seksyen 15(4) Akta Imigresen 1959/63," katanya.



*Ruslin (dua dari kanan) menyoal warga asing yang ditahan dalam serbuan di penempatan haram Pulau Meranti, semalam.*

(Foto Hafidzul Hilmi Mohd Noor/BH)